

22 FEB 1996

Ajaran- Sesat

MAINS BASMI TIGA AJARAN SESAT DI NEGERI SEMBILAN TAHUN LEPAS

PORT DICKSON, 22 Feb (Bernama)-- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) berjaya membanteras tiga ajaran sesat yang dikesan di negeri itu tahun lepas, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad.

Menurutnya ajaran itu berlaku di daerah Tampin, Kuala Pilah dan Seremban dan para pegawai MAINS yang menerima maklumat mengenainya telah memperbetulkan dan memandu mereka yang terlibat kearah ajaran sebenar.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas beliau mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di Kampung Baru Sungala dekat sini hari ini.

Katanya, para pegawai MAINS akan mempertingkatkan lagi kegiatan dakwah dalam menangani permasalahan itu di daerah dan kampung tahun ini.

Sehubungan itu, beliau menyokong penuh saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ajaran Syiah tidak disebar di negara ini kerana ia boleh menyebabkan permusuhan sesama orang Melayu dan Islam.

Orang Melayu masa kini adalah Ahli Sunah Wal Jamaah mengikut mazhab Syafie dan tidak menimbulkan sebarang masalah sesama mereka.

Katanya, sebelum ajaran- ajaran sesat menjadi lebih serius lagi beliau ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka mengikut Enakmen Keluarga Islam.

Tindakan itu perlu diambil terhadap semua yang terbabit tanpa mengira pangkat sama ada kakitangan kerajaan yang cuba mempengaruhi orang ramai mengenai ajaran itu, katanya.

"Kalau tidak dijaga lebih awal, bila dia sudah berkembang mungkin melibatkan pemimpin negara...jika mahu dibetulkan akan mendatangkan malapetaka kepada negara," tambah beliau.

Lebih 5,000 orang termasuk para penduduk kampung, pemimpin komponen Barisan Nasional dan para pegawai tinggi kerajaan negeri hadir pada majlis rumah terbuka itu. -- BERNAMA.

AS AR